

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [ MACHANG ]**

**SOALAN NO. 388**

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah terdapat sebarang keperluan yang mendesak sehingga timbul cadangan untuk menggabungkan Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melihat bahawa penggabungan ini dapat memberi manfaat dalam pelbagai aspek. Penggabungan ini merupakan peluang untuk memperkasakan lagi kebitaraan bidang fokus kedua-dua buah universiti terutama dalam bidang Sains Kelautan dan Peradaban Islam. Berdasarkan kepada kebolehupayaan dan sumber kepakaran kedua-dua universiti, Jemaah Menteri pada 4 September 2019 telah bersetuju supaya kedua-dua universiti ini digabungkan.

Pihak KPM melihat penggabungan ini akan memperkasakan bakat sedia ada di kedua-dua buah universiti yang mana *pool* tenaga akademik semestinya akan meningkatkan kualiti penyampaian pendidikan tinggi selain menggalakkan penyelidikan antara bidang (*transresearch*) di kalangan tenaga pengajar dan pelajar. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bersetuju dengan cadangan untuk mengekalkan perjawatan sedia

ada sehingga penyusunan semula sumber manusia dilaksanakan dan diselaraskan mengikut Dasar Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam.

Antara rasionalisasi penggabungan UMT-UniSZA adalah seperti berikut:

1. Melonjakkan pencapaian dan kecemerlangan akademik, penyelidikan dan pengantarabangsaan dengan gabungan kekuatan kepakaran kedua-dua universiti agar setanding dengan universiti terkemuka didunia;
2. Melipat ganda kapasiti, keberhasilan dan impak sumber manusia, kepakaran dan fasiliti universiti berprestasi tinggi dan berdaya saing kepada pemegang taruh pendidikan tinggi.
3. Menjadi sebuah pusat rujukan kbeitaraan di peringkat global dalam era merentas disiplin (transdisciplinary).

Negara-negara maju misalnya seperti United Kingdom dan Norway, telah menggunakan model penggabungan yang berbeza, namun tujuan penggabungan adalah sama iaitu bagi memenuhi keperluan pelajar dan meningkatkan daya saing antara universiti.